



Ruj. Kami : 300-MOTA (21/23/51)

Tarikh : 25 APRIL 2022

**SEMUA AHLI,  
PERSATUAN TERAPI CARA KERJA MALAYSIA**

Y.Bhg Dato'/ Datin/Prof/ Prof Madya/ Dr/Tuan/Puan ,

**JEMPUTAN KE MESYUARAT AGUNG (AGM) PERSATUAN TERAPI CARA KERJA MALAYSIA KALI KE-45**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Persatuan Terapi Cara kerja Malaysia akan mengadakan Mesyuarat Agung (AGM) kali ke 45. Butiran dan maklumat mesyuarat adalah seperti berikut:

- Tarikh : 30 June 2022 (Khamis)  
Masa : 3.30 pm – 5.00 pm  
Tempat : Bayview Hotel, Georgetown Pulau Pinang.  
Agenda:
- Ucapan Presiden OT Malaysia
  - Perbentangan dan Pengesahan Minit AGM ke-44
  - Perbentangan dan Pengesahan Laporan Tahunan April 21-Mei 22
  - Perbentangan dan Pengesahan Laporan Kewangan Tahun 2021
  - Membahaskan Usul dan Cadangan Penambahbaikan 2022
  - Hal-hal lain


3. Sehubungan itu, sukacita kami ingin menjemput semua ahli Persatuan Terapi Cara Kerja Malaysia untuk menghadiri mesyuarat agung pada tahun ini. Kesudian pihak Tuan/Puan untuk menghadiri mesyuarat ini amatlah dihargai dalam memajukan profesion Terapi Cara Kerja di Malaysia. Dimaklumkan bahawa mesyuarat AGM ini diadakan bersama-sama dengan Malaysian Occupational Therapists National Conference (MOTNC 2022).

4. Pihak persatuan amat berbesar hati dan mengalu-alukan sebarang usul atau cadangan penambahbaikan daripada semua ahli untuk memantapkan lagi persatuan. Maklumbalas kehadiran

serta cadangan usul/ penambahbaikan boleh dibuat melalui pautan google form <https://forms.gle/Nv2TYsS2rWHLsYnJ7> . Sebarang pertanyaan sila berhubung dengan Timbalan Setiausaha, En Mohd Azam B Abdul Halim melalui email [deputysecretarymota@gmail.com](mailto:deputysecretarymota@gmail.com) .

Sekian. Terima kasih.

Yang benar,



**(CIK REJINA MANIAM)**

Setiausaha Agung,

Persatuan Terapi Carakerja Malaysia 2021/2023,

Pendaftaran Persatuan: PPM-005-14-23091975

E-mail : [secretary@ot-malaysia.my](mailto:secretary@ot-malaysia.my)

**s.k : Fail**